



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 14 DISEMBER 2018**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	SIASAT ISU KENAIKAN HARGA TELUR, NEGARA, KOSMO -6	LAIN - LAIN
2.	MYCC SIASAT ISU KENAIKAN HARGA TELUR, DALAM NEGERI, UM -50	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MyCC, KPDNHEP sedang kenal pasti kewujudan elemen antipersaingan

# Siasat isu kenaikan harga telur

**KUALA LUMPUR** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mengenal pasti sebarang elemen antipersaingan yang mungkin berlaku dalam pasaran telur ayam tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail berkata, selain isu pencatutan yang mungkin menjadi penyebab kepada isu kenaikan harga telur ayam, pihaknya juga akan melihat kepada perlakuan antipersaingan yang diamalkan oleh perusahaan seperti kartel penetapan harga, pembahagian kawasan persaingan serta menghadkan pengeluaran secara sengaja.

“MyCC akan menggunakan segala kuasa yang ada di bawah Akta Persaingan 2010 untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan dan tidak akan teragak-agak un-

tuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana perusahaan yang terlibat dalam sebarang kegiatan kartel.

“Ia bagi memastikan kesejahteraan dan kepentingan pengguna kekal terpelihara. Kami juga akan mengambil kira harga harian dan jumlah pengeluaran telur ayam dalam menilai perkara ini,” katanya dalam satu kenyataan kepada *Bernama* di sini semalam.

Sebagai tambahan kata Iskandar, pihaknya juga akan melihat dengan teliti aktiviti mengeksport telur ayam ke pasaran luar negara yang semakin meningkat kebelakangan ini.

Sementara itu, Persatuan Pemborong dan Peruncit Muslim Malaysia pula percaya terdapat unsur pakatan yang dilakukan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memonopoli elemen antipersaingan terhadap pasaran harga telur ayam di negara ini.



HARGA telur ayam dikatakan meningkat dengan mendadak sejak awal bulan lalu.

Pengerusinya, Amanullah Maideen (**gambar kecil**) mendakwa, pakatan itu dipercayai berlaku apabila pihaknya mendapat banyak aduan daripada pengguna mengenai kenaikan harga telur ayam di pasaran yang meningkat mendadak secara konsisten setiap minggu sejak awal bulan lalu.

## INFO Harga telur

Produk	Harga sebelum	Harga semasa
Telur gred A (30 biji)	RM12.94	RM14.07
Telur gred B (30 biji)	RM12.10	RM13.80
Telur gred C (30 biji)	RM11.40	RM12.50



KERATAN *Kosmo!* 11 Disember 2018.

“Kita syak ada pihak-pihak tertentu yang menjadi dalang di sebalik kenaikan drastik harga telur ayam ini. Kita juga mengalu-alukan orang awam tanpa rasa gusar dan malu untuk sama-sama menyalurkan maklumat berkaitan elemen antipersaingan yang dilakukan di kawasan masing-masing” katanya ketika dihubungi semalam.

Pada 11 Disember lalu, *Kosmo!* melaporkan kerajaan akan menyasat kemungkinan wujud ak-

tiviti kartel yang menyebabkan harga telur ayam naik secara konsisten setiap minggu sejak beberapa bulan lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, aktiviti kartel begitu licik kerana mereka menetapkan harga secara pakatan, membahagikan kawasan persaingan dan menghadkan pengeluaran bagi mendapat keuntungan bersama antara pengeluar dan pemborong telur.

Siasatan dilakukan selepas pihak berkuasa menerima banyak aduan mengenai kenaikan harga telur ayam terutamanya sejak pertengahan November lalu antaranya di Pulau Pinang, Sarawak dan Putrajaya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2018	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	50

# MyCC siasat isu kenaikan harga telur

Oleh MUHAMAD IZZAT NASURUDEN  
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 DIS.

**S**URUHANJAYA Persaingan Malaysia (MyCC) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang menyiasat isu kenaikan harga telur ayam yang menjadi kebimbangan orang ramai ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail berkata, kerjasama itu bagi mengenal pasti sama ada terdapat elemen antipersaingan yang mungkin berlaku dalam pasaran telur ayam tempatan.

“Selain isu pencatutan yang mungkin menjadi penyebab kenaikan harga telur ayam berlaku, kita juga turut melihat beberapa aspek lain seperti kartel penetapan harga, pembahagian kawasan persaingan dan tindakan mengehendakkan pengeluaran



**MYCC mengakui harga telur ayam meningkat secara konsisten pada setiap minggu sejak beberapa bulan lalu dan sedang disiasat sama ada disebabkan oleh aktiviti antipersaingan.**

dengan sengaja.

“Kita akan mengambil kira harga harian dan jumlah pengeluaran telur ayam bagi menilai perkara ini selain memantau aktiviti eksport telur ayam ke pasaran luar negara yang semakin meningkat kebelakangan ini,”

katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Isnin lalu, pihak kementerian melaporkan akan menyiasat sama ada kewujudan aktiviti kartel menyebabkan harga telur meningkat secara konsisten pada setiap minggu sejak beberapa bu-

lan lepas.

Mengulas lanjut, Iskandar berkata, MyCC tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana perusahaan yang terlibat dalam kegiatan kartel mengikut Akta Persaingan 2010.